Orang Islam Yang Terkemuka

Abdul Ghafar Ismail

Abdul Ghafar Ismail, seorang pejuang Islam yang kebilangan. Ia salah seorang tokoh politik dalam barisan umat Islam Indonesia yang telah berjuang memimpin umat. Setelah seperempat kurun berjuang di medan politik, akhirnya ia mengambil jalan sendiri di luar kepartian.

Sekarang Abdul Ghafar Ismail cergas memberikan syarahan-syarahan agama, merupakan syarahan-syarahan tasawuf dan kerohanian yang mendalam di beberapa tempat penting di Indonesia, yang diikuti puluhan ribu umat Islam. Lapangan ini merupakan suatu lapangan tersendiri yang diciptakannya, dan dengan mengambil jalan ini, ia merasa dirinya lebih berhasil membentuk jiwa umat daripada bergerak cergas dalam parti.

Ia sekarang bertempat tinggal di Pekalongan. Pada tiap-tiap malam tertentu ia memberikan syarahan agama di beberapa tempat di bandar Pekalongan terutama di Pekacangan yang terkenal tempat perkembangan kaum Muslimin yang taat. Berpuluh ribu kaum Muslimin menjadi pengikut syarahannya. Makin lama, makin ramai dan makin menarik. Seminggu sekali ia ke Surabaya memberikan syarahan agama dalam bentuk yang sama, yang juga didukung oleh puluhan ribu kaum Muslimin terutama dari kaum berpelajaran Islam. Seminggu sekali pula ia ke Makassar memberikan syarahan agama dalam bentuk yang sama, yang juga didukung oleh puluhan ribu kaum Muslimin.

Lapangan ini merupakan suatu hal yang baharu dalam dunia Islam di Indonesia, yang belum pernah terjadi sebelumnya. Kalau pun pernah diadakan oleh pertubuhan-pertubuhan Islam berbentuk tabligh atau lainnya, tetapi belum pernah mendapat sambutan seperti adanya dengan Abdul Ghafar Ismail itu.

Luar biasa dan sangat menarik perhatian. Kaum terpelajar Islam yang merasa dirinya masih kurang dalam keagamaan apalagi ibadah serta pimpinan rohani ketuhanan, sangat gembira dengan langkah yang diambil oleh Abdul Ghafar Ismail ini. Mereka berduyun-duyun mendatangi majlis-majlis syarahannya.

Pada masa yang akhir-akhir ini, nama Ghafar Ismail, terutama di Jawa Tengah, Jawa Timur dan Sulawesi amat masyhur, menjadi buah mulut orang ramai.

Mengapa demikian?

Memang sudah semestinya demikian. Kerana Abdul Ghafar Ismail ialah seorang pemimpin yang tahu benar jiwa maSharakat. Semenjak dahulu ia terkenal sebagai

seorang ahli pidato yang mahir dan bijak. Terlalu pandai menyusun kata-kata yang indah dan menarik. Selain daripada itu ia seorang ulama yang mendalam, ahli pengetahuan Islam, dan pada masa-masa yang akhir ini, ia lebih mengutamakan soal tasawuf dan kerohanian. Dia juga seorang pejuang yang tegas yang tidak pernah melupakan erti ((jihad)) dalam jiwanya.

Oleh itu, kalau ia mengambil jalan bersyarah di hadapan orang ramai, tidaklah menghairankan kalau semua orang tertarik hati mendengar akan huraian-huraiannya.

Sebagaimana yang dikatakan tadi, kaum terpelajarlah yang banyak sekali menjadi pengikutnya sekarang ini, iaitu orang-orang yang berilmu dan berfikir. Orang-orang inilah menjadi calon-calon yang sedang dibentuknya dengan cergas. Dan *in shā Allah* usahanya itu berhasil dan memuaskan.

BUKU2 RUMI

Penerbitan Qalam Yang Terbaru

Kesan Kesusasteraan Tua Di-Tanah Ayer
Oleh: Abdullah B. Hj Musa (Lubis) … ... … $2.00

Cherita2 Sejarah 1
Oleh: Edrus … ... … $1.00

Balek Dari Medan Perjuangan
Oleh: Ahmad Lutfi … … $1.00

Sisa Neraka Dunia
Oleh: Ahmad Lutfi … … $1.20

Bangkai Bernyawa
Oleh: Ahmad Lutfi … … $1.00

Tinjauan Sastera Tanah Ayer
Oleh: Abd. Ghani bin Abbas … $1.50

Sejarah Perak Dahulu Dan Sekarang
Oleh: Abdullah Hj. Musa (Lubis) … … … $2.00

Surat Menyurat (chitakan kedua)
Oleh: Edrus … … … $2.00

Riwayatnya

Elok juga diceritakan sedikit riwayat hidupnya dalam pergerakan siyasah dari dahulu hingga hari ini.

Dalam zaman penjajahan sebelum Indonesia mencapai kemerdekaannya, orang mengenal ((PERMI)) sebagai salah satu parti politik Islam yang radikal yang berpusat di Minangkabau. Empat parti politik yang dianggap berbahaya oleh pemerintah penjajah Belanda ialah dua dari parti Islam, dan dua dari parti nasional.

Iaitu ((Parti Sarekat Islam)) dan ((PERMI)), dan parti ((PARTINDO)) dan ((P N I)).

Pemimpin-pemimpin keempat-empat parti politik ini kemudian dibuang negeri, iaitu Sukarno dari ((PARTINDO)) ke Ende, Mohammad Hatta dan rakan-rakannya dari ((P N I)) ke Digul, Haji Jalaluddin Taib dan rakan-rakannya dari ((PERMI)) ke Digul, dan Sabil al-Rashad dan rakan-rakannya dari parti ((Sarekat Islam)) ke Digul juga.

((PERMI)) yang begitu besar pengaruhnya terutama di Sumatera, ialah buah ciptaan Abdul Ghafar Ismail bersama-sama al-Marhum Ali Imran Djamil, iaitu buah ((muktamar Sumatera Thawalib)) tahun 1930 yang menjelma menjadi parti ((PERMI)).

Di samping tokoh ((PERMI)) yang lain, Abdul Ghafar Ismail termasuk tokoh utama dalam ((PERMI)). Kecekapannya terutama ialah menjadi Ketua Penerangan Parti. Kelincahan dan kecekapan berpidato adalah menjadi

miliknya yang asasi. Masa itu dalam berpidato, ia sejajar dengan Mochtar Lutfi. Berapi-api dan menyala-nyala.

Kemudian ia dihantarkan ke Jawa menjadi Ketua Penerangan ((PERMI)), dan di sini ia menjalankan pengaruhnya yang besar, sehingga namanya dalam waktu yang singkat menjadi amat masyhur.

Tatkala parti tersebut tidak mendapat jalan lagi disebabkan tekanan penjajah Belanda, Abdul Ghafar Ismail tampil dalam parti baharu yang didirikan oleh Dr Sukiman, iaitu ((Parti Islam Indonesia)). Abdul Gaffar ikut menjadi salah seorang tokoh penting dalam parti ini.

Setelah Indonesia mengisytiharkan kemerdekaannya, ia ikut dalam Masyumi di Jogja.

Dalam babak pertama, nama Abdul Ghafar tetap menduduki tempat penting dalam Masyumi. Memang buat dia sebagai seorang ahli pergerakan dan pejuang Islam, dirinya sendiri tidaklah begitu dipentingkannya. Ia hidup selalu sederhana dan memadakan apa yang ada. Ia tidak ingin mewah, bahkan seolah-olah lebih suka hidup menderita, menurut yang dicontohkan oleh Nabi dalam perjuangan *fī sabīli allah.*

Berjuang baginya bukanlah barang sambilan.

Ia mengabdikan kepada parti secara bersungguh-sungguh. Kecekapannya berpidato sangat besar gunanya bagi sebuah parti yang menghendaki pembangunan maSharakat.

Dari ((Dawlah Islāmiyyah)).

Baginda Ali Harimau Allah

Sebuah buku riwayat hidup Saiyidina Ali ibn Abī Ṭālib, *karamu Allāhu wajhah*, buah kalam pujangga Arab yang terkenal, 'Abbās Mahmūd al-'Aqqād.

Saiyidina Ali bukan sahaja seorang pahlawan Islam yang terbilang gagah beraninya tetapi juga seorang yang arif bijaksana dan luas ilmunya sehingga telah digambarkan oleh Rasulullah *ṣallā allahu 'alayhi wa sallam* dalam sebuah hadithnya (riwayat al-Tirmidhī):

" *Anā dāru al-hikmatu wa 'Alī bābuhā.*"

"Aku ialah gedung ilmu pengetahuan dan Ali ialah pintunya"!

Bacalah riwayat hidupnya yang semerbak harum dan menyegarkan serta menghidupkan semangat keislaman.

Dua penggal tamat. Harga sepenggal $1.20 sahaja, belanja mengirimnya 10 sen.

(Terjemahan Abdullah Basmeh)

Pesanlah kepada penerbitnya:

Qalam, Singapura